

Paras air empangan mampu tampung keperluan rakyat

AYERKEROH - Proses pembenihan awan yang dijalankan di beberapa kawasan di negeri ini, Isnin lalu sedikit sebanyak membantu meredakan permasalahan air yang dihadapi kini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, kejayaan pembenihan awan itu terbukti apabila paras air di dua empangan di negeri ini kekal pada paras sebelum ini walaupun dijangka akan semakin menurun.

Menurutnya, ini termasuklah paras Empangan Durian Tunggal yang kekal pada 36 peratus walaupun sebelum ini dijangka akan berkurangan antara satu dan 1.5 peratus, serta Empangan Asahan yang kekal pada 60.3 peratus.

Selain itu, menurutnya, paras air di Empangan Jus merekodkan peningkatan melebihi 44 peratus.

“Ekoran perkembangan terbaru ini, ingin saya katakan bahawa paras air di ketiga-tiga empangan di negeri ini masih mencukupi dan masih boleh menampung keperluan seluruh rakyat negeri ini,” katanya.

Menurut Idris, walaupun dengan perkembangan terbaru ini, kerajaan negeri tetap akan meminta Syarikat Air Melaka Bhd (SAMB) supaya bersiap sedia melakukan proses penghantaran air ke kawasan yang dikenal pasti akan berlaku catuan air demi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan air.



IDRIS

Menurutnya, sekiranya pelaksanaan catuan air terpaksa dijalankan maka langkah catuan secara berkala akan dilakukan bagi memudahkan penggunaan untuk mengurus dan mengawal bekalan simpanan air mereka.

Dalam perkembangan



Paras bacaan di empangan Durian Tunggal berada pada tahap membimbangkan, semalam.

berkaitan, Idris berkata, kerajaan negeri masih meneruskan usaha pengambilan air dari Sungai Gersik, Johor selain merancang menebuk satu terowong khas saluran air bagi

menghubungkan Tasik Biru, ChinChin dan Empangan Durian Tunggal.

“Kerja-kerja menebuk untuk membuat terowong ini dengan meletakkan paip

berukuran 400mililiter (mm) adalah demi menampung pertambahan air di kawasan selatan lebih-lebih lagi di Empangan Durian Tunggal,” katanya.